



KENYATAAN MEDIA

KES PELUPUSAN HARAM SISA INDUSTRI YANG DISYAKI BUANGAN TERJADUAL DI BUKIT PELANDOK, NEGERI SEMBILAN

Hari ini saya bersama-sama Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar, YBhg. Dato' Wan Abdul Latiff Bin Wan Jaffar telah menjalankan pemantauan ke lokasi tapak pelupusan haram buangan terjadual di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan. Pemantauan hari ini turut disertai Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Datuk Seri Aminuddin Harun, dan Exco Keusahawanan, Sumber Manusia, Perubahan Iklim, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, YB Tuan Veerapan Superamaniam, serta Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, YB Dato' Mohd Zafir Bin Ibrahim.

Penemuan tapak pelupusan buangan terjadual, susulan aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar dan hasil siasatan mendapati terdapat dua lokasi yang dijadikan tapak pelupusan haram yang berkedudukan lebih kurang 200 meter antara satu sama lain. Terdapat sejumlah lebih kurang 800 tong drum dan *IBC tank* yang dipercayai mengandungi sisa kimia yang dilupuskan secara haram di kedua-dua lokasi tersebut yang terlindung di sebalik tembok yang berketinggian lebih kurang tiga meter.

Berdasarkan keputusan analisis sampel buangan yang diperolehi daripada Jabatan Kimia Malaysia mendapati buangan yang dilupuskan secara haram tersebut disyaki terdiri daripada cecair yang mengandungi sebatian pelarut terpakai (SW322) serta bahan-bahan pepejal dan bekas yang telah dicemari bahan kimia serta buangan terjadual (SW409).

Proses pemindahan buangan dari lokasi pertama ke tempat penyimpanan sementara telah selesai sepenuhnya dengan bantuan pemilik tanah dan buangan di lokasi kedua dalam proses pembersihan berikutan tiada jalan masuk ke kawasan tersebut. Anggaran kos pembersihan dan pelupusan adalah RM1,169,747.94.

Pihak JAS dengan kerjasama beberapa agensi termasuk PDRM masih meneruskan siasatan untuk menjejaki pelaku dan pemilik buangan tersebut. Tindakan tegas terhadap pelaku akan diambil termasuk pendakwaan di mahkamah di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan lain-lain seksyen yang berkaitan. Di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, jika disabitkan bersalah boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun dan denda tidak kurang daripada RM100,000 dan tidak melebihi RM10 juta.

Semua pihak industri adalah diingatkan bahawa tindakan tegas di bawah AKAS 1974 akan dikenakan ke atas mana-mana premis yang melakukan pencemaran alam sekitar. AKAS 1974 yang telah dipinda dan mula berkuatkuasa pada 7 Julai 2024 telah memberi keutamaan kepada pindaan hukuman, denda dan penalti di mana melibatkan julat kadar denda antara RM5,000 hingga RM10 juta, selain penjara mandatori tidak melebihi lima tahun. Selain itu, kadar kompaun juga ditingkatkan daripada maksimum RM2,000 kepada tidak melebihi 50 peratus daripada denda maksimum kesalahan berkaitan.

Saya menyeru orang ramai untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
5 DISEMBER 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

